



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

Rebat RM200 untuk Belia dan Geran RM1, 000 untuk Usahawan Dalam Talian Bermula pada 1 Januari 2013: SKMM

Cyberjaya: 27 Disember, 2012 --- Belia berumur 21 hingga 30 tahun boleh mula memohon rebat RM200 untuk pembelian telefon pintar 3G yang terpilih daripada peniaga-peniaga yang dicalonkan dan berdaftar dengan syarikat-syarikat telekomunikasi. Permohonan bagi Pakej Komunikasi Belia (PKB), di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara; boleh dibuat dengan mendaftar secara dalam talian di <http://nbi.skmm.gov.my/> bermula dari 1 Januari 2013. Skim ini dibuka kepada 1.5 juta belia yang layak atas dasar 'siapa cepat dia dapat' sementara stok masih ada.

Walaupun Pakej Komunikasi Belia adalah satu program yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi, inisiatif ini diselaraskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Bajet 2013 yang dibentangkan pada September tahun ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai belia khususnya di kawasan luar bandar untuk menikmati kemudahan jalur lebar negara.

Belia yang layak memperoleh rebat RM200 akan dapat membeli telefon pintar 3G daripada senarai yang ditawarkan yang berharga sehingga RM500 daripada peniaga terpilih dan ejen yang dilantik oleh pembekal perkhidmatan. Dengan rebat itu, mereka hanya perlu membayar tidak lebih daripada RM300 untuk memiliki telefon pintar 3G yang baharu.

"Idenya ialah untuk meluaskan insentif ini kepada mereka yang belum menggunakan telefon pintar. Kami benar-benar mahu mereka berhijrah daripada telefon 2G yang lama kepada telefon pintar 3G yang asas. Tiada sebab untuk kita memberi rebat untuk telefon pintar yang mahal yang ada



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

kalanya boleh mencapai harga lebih RM2,500 tanpa kontrak. Rebat RM200 tidak memberi makna pada telefon mahal tetapi untuk telefon yang dijual pada harga RM500, rebat RM200 amat bermakna. Sekali lagi, sasaran kami adalah golongan yang berpendapatan rendah dan para belia," kata Pengerusi SKMM, Dato 'Mohamed Sharil Tarmizi, dalam menyangkal spekulasi bahawa had RM500 harga adalah terlalu rendah.

Beliau menambah, "daripada kajian yang dijalankan oleh SKMM, lebih 90% pengguna termasuk dalam segmen prabayar. Syarikat-syarikat telekomunikasi tidak menyediakan insentif untuk telefon pintar dalam segmen ini, mereka hanya memberi insentif terhadap kontrak pascabayar."

Selain itu, sebagai menangkis dakwaan pihak-pihak tertentu, terdapat lebih 20 model telefon pintar 3G yang ditawarkan dalam skim ini. (Sila rujuk kepada senarai telefon pintar yang disediakan untuk pakej ini.)

Syarikat-syarikat telekomunikasi yang terlibat dan pengendali rangkaian maya mudah alih (MVNO) akan menawarkan tidak kurang daripada lima (5) dan mungkin sehingga 10 atau 12 model telefon pintar di bawah inisiatif ini melalui cawangan-cawangan pengedar mereka. Orang ramai perlu mencari logo "Pakej Komunikasi Belia" yang akan dipaparkan di kain rentang dan sepanduk di kedai-kedai tersebut. Mereka juga perlu menyemak laman web penyedia perkhidmatan untuk senarai telefon pintar dan pengedar yang mengambil bahagian.

Sementara itu, usahawan kecil dalam talian yang berumur di antara 18 hingga 65 tahun juga boleh mula memohon geran RM1,000 Get *Malaysian Business Online* (GMBO) bermula pada 1 Januari 2013 dengan mendaftar secara dalam talian di <http://nbi.skmm.gov.my/>. Mereka yang telah mendaftar laman web sebagai contoh, .com.my, .my, yang memenuhi semua terma dan syarat, akan menerima geran RM1,000 daripada SKMM. Wang

Kenyataan Media

Press Release

tersebut akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank tempatan pemohon yang berjaya. Dijangkakan sehingga 50,000 usahawan kecil dalam talian layak memohon geran ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai kedua-dua program ini, Soalan-soalan Lazim (FAQ) telah diposkan di laman sesawang SKMM.

[Tamat]

Senarai telefon pintar (mengikut abjad) yang akan ditawarkan adalah seperti berikut:

- 1) Alcatel 993D
- 2) Alcatel OneTouch Glory 2
- 3) Alcatel OneTouch Inspire 2
- 4) The Buzz Phone
- 5) HTC Wildfire
- 6) Huawei Ideos X3
- 7) LG Optimus L3
- 8) Ninetology Black Pearl II
- 9) Ninetology Palette
- 10) Nokia 2730
- 11) Nokia 7230
- 12) Nokia Asha 305
- 13) Nokia Asha 308
- 14) Nokia Asha 311
- 15) Nokia C2-03
- 16) Nokia Lumia 610
- 17) Samsung Galaxy Chat
- 18) Samsung Galaxy Mini
- 19) Samsung Galaxy Pocket
- 20) Samsung Galaxy Y
- 21) Sony Xperia Tipo
- 22) ZTE Acqua
- 23) ZTE V790

Nota:

- 1) Di atas adalah senarai model pada 26 Dis 2012 yang akan dikemaskini dari masa ke semasa di laman web penyedia perkhidmatan;



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

2) Jenama, model dan kuantiti yang ditawarkan mungkin berbeza di kalangan penyedia perkhidmatan yang berbeza.

Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abdul Rahman
Penasihat Strategik, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000

Faks: +603 8688 1007

E-mel: ccd@cmc.gov.my